

CETAKAN VISUAL SEJARAH PADA ERA PEMERINTAHAN BRITISH DI SARAWAK: SUATU ANALISIS KOLEKSI BALAI SENI VISUAL NEGARA

HISTORICAL VISUAL PRINTS DURING THE BRITISH RULE IN SARAWAK: AN ANALYSIS OF THE NATIONAL VISUAL ARTS COLLECTION

Azian Hj Tahir¹ & Arba'iyah Mohd Noor² & Suffian Mansor³

Abstract

The visual record of Borneo between the 18th and 19th century is a collection of images both picturesque and romantic. Significant historical information can be derived from this collection as these images were obtained from artists, merchants, travellers, government officials and their families in this region during that period. These visual records are carefully preserved and catalogued in the Netherlands, Portugal, England and Malaysia. In this paper, we focus on the visual collection at the National Visual Art Gallery of historical events during the time of British Colonial rule in Sarawak. In addition, this paper will also highlight the repertoire of visual prints of various techniques produced through experiences and sketches by British visitors in Sarawak. During the same period, the British had also documented historical events in Sarawak and reproducing the artworks in prints by publishing in booklets as well as portfolios. Besides that, the visuals will be analysed by examining local and foreign records for comparison.

Keywords: Prints, visual culture, historical events, Sarawak, colonialism

Pengenalan

Aktiviti penghasilan visual cetakan sebagai sumbar maklumat bervisual dalam pelbagai ketamadunan dunia sudah tidak boleh disangkal lagi. Cetakan yang pada asalnya terhasil daripada aktiviti meninggalkan kesan seperti cetakan tapak tangan dan corak di dinding gua telah berkembang sebagai sumber untuk menyampaikan dan menyimpan maklumat. Contoh cetakan terawal adalah daripada cetakan tapak tangan yang ditemui di Irian Jaya, Indonesia dan beberapa gua di Eropah. Teknologi percetakan ini kemudian semakin berkembang dalam berbagai-bagai ketamadunan besar seperti China, Mesir, dan lain-lain. Aktiviti cetakan ini amat sesuai untuk proses penyebaran maklumat teks dan visual. Perkembangan ini bertambah pesat apabila cetakan mula dicetak di permukaan bahan yang lebih mudah untuk diedarkan seperti

kulit binatang, kulit kayu, buluh dan kain. Tambahan lagi apabila kertas dicipta dan dihasilkan dengan mudah. Keistimewaan seni cetak yang boleh menghasilkan visual dalam jumlah salinan yang banyak ini juga memberi peluang pada masyarakat umum untuk mendapatkan maklumat, mempelajari ilmu atau menyimpan hasilan seni visual secara bersama dan menjadikannya satu disiplin seni yang begitu demokratik dan mudah. Malahan seni cetak merupakan aktiviti penghasilan seni yang secara tidak langsung membantu dalam mendokumentkan sejarah, budaya, agama, politik dan ilmu (Haney 2015).

Artikel ini cuba mengupas kegiatan artisan menghasilkan cetakan bertemakan Alam Melayu, terutama di Borneo ketika pemerintahan British dari tahun 1847 hingga 1889. Borneo yang merupakan sebuah pulau terbesar di Alam Melayu penuh dengan keindahan alam, keunikan budaya dan masyarakatnya telah menarik minat para pengkaji, pengembara, kakitangan kerajaan serta anggota tentera untuk merakamkan dan melakarkan apa-apa yang telah dialami dan disaksikan mereka. Antara dapatan seni cetakan semasa bertemakan Alam Melayu mula diperoleh seawal kehadiran orang-orang Eropah pada abad ke-15. Kebanyakan daripada koleksi cetakan ini diperoleh daripada pelbagai bentuk dan sumber, termasuklah portfolio dan cetakan buku. Secara tidak langsung ini menyumbang kepada bahan visual yang kemudiannya menjadi sumber visual sejarah yang tersimpan dalam himpunan Balai Seni Visual Negara (BSVN).

Koleksi BSVN yang merangkumi berbagai-bagi jenis visual, secara umumnya dikategorikan kepada tiga cabang utama penghasilan seni, iaitu seni catan, seni arca dan seni cetak. Setiap himpunan karya ini merupakan khazanah negara yang tidak ternilai yang merangkumi sejarah, budaya dan kesenian bangsa. Oleh itu, himpunan Karya Cetakan Borneo yang merangkumi 36 cetakan telah dijadikan sumber utama dalam kajian artikel ini. Daripada 36 cetakan tersebut terdapat berbagai-bagi tema diketengahkan termasuklah tema masyarakat, peristiwa dan panorama. Namun, hanya visual-visual yang melibatkan masyarakat dan peristiwa sahaja diambil sebagai bahan kajian untuk artikel ini dengan menggunakan pendekatan visual sebagai asas utama perbincangan dalam memberi penjelasan sejarah yang telah berlaku di Borneo, dan Sarawak khasnya.

Cetakan Bertemakan Borneo: Koleksi Cetakan di Balai Seni Visual Negara

Sudah menjadi dasar bagi Perpustakaan Pejabat Hindia Timur untuk memperoleh dan mengumpul lukisan, cetakan malahan buku-buku yang dicetak dan manuskrip-manuskrip berkaitan negara-negara jajahan British di seluruh dunia (Archer 1969: v). Antara penyumbang bahan-bahan tersebut ialah pelukis dan pencetak profesional yang dikomisenkan, para juruukur yang dilatih oleh Syarikat Hindia Timur atau kerajaan India, pelukis dan pencetak amatir yang terdiri daripada orang awam, tentera, serta isteri atau saudara-mara mereka yang bertugas di negara tersebut. Oleh itu, cetakan visual yang diperoleh dan menjadi koleksi BSVN merupakan sumbangan daripada pegawai kerajaan, pengembara di samping visual daripada laporan akhbar ketika itu.

Antara penyumbang visual yang diperoleh dalam koleksi simpanan BSVN ini ialah visual hasil lakaran Frank S. Marryat (1848) yang berkhidmat di atas kapal HMS Samarang. Beliau ketika itu ditugaskan sebagai juruukur pelayaran ke Borneo. Semasa menyertai pelayaran ke pulau tersebut, beliau menghasilkan banyak lukisan berkaitan budaya, termasuklah pemandangan masyarakat tempatan yang ketika itu begitu asing bagi orang Eropah. Baginya setiap aktiviti yang dilakukan, direkodkan dan dilakarkan ini amat bernilai untuk dipersembahkan kepada umum (Marryat 1848). Selain Frank S. Marryat, terdapat juga beberapa visual dalam artikel ini diperoleh daripada beberapa orang pengkarya lain yang turut menghasilkan lukisan pelbagai

tema yang menyimpan visual bersejarah dan kemudiannya dicetak untuk tujuan himpunan dan penerbitan.

Dari sudut koleksi akhbar pula didapati bahawa perkembangan media massa bervisual yang merupakan satu teknologi visual yang baru pada abad ke-19 di London telah mendapat sambutan hangat dan menarik perhatian masyarakat di sana. Oleh itu, akhbar seperti *The Illustrated London News* (ILN) dan *The Graphic* berjaya menarik minat pembacanya untuk memiliki cetakan-cetakan visual berkenaan selain menerbitkan berita berbentuk visual. Akhbar tersebut juga mengeluarkan ‘center spread’, iaitu halaman tengah yang bertemu muka halaman, yang membolehkan cetakan tersebut dikeluarkan dan dibingkaikan sebagai sebuah karya cetakan untuk simpanan pembaca. Himpunan visual itu merangkumi maklumat berkaitan ‘Social Realism’ dalam visual budaya – sebagaimana yang dikategorikan oleh Andrea L. Korda dalam tesisnya (Korda 2015). Oleh itu, BSVN juga tidak ketinggalan memiliki visual-visual cetakan tersebut yang bertemakan Tanah Melayu dan Borneo sebagai sebahagian koleksi mereka. Himpunan visual cetakan ini diperoleh daripada koleksi simpanan sumbangan orang awam ataupun melalui pembelian dan bidaan.

Artikel ini hanya menumpukan pencarian data terperinci dari sudut sumber, pengisian dan sejarah pada setiap visual cetakan terpilih milik BSVN. Ia merangkumi maklumat tentang peristiwa, masyarakat dan adat yang direkodkan dalam bentuk visual di Borneo. Ini adalah kerana apabila visual diketengahkan dalam penulisan sejarah, ia seringkali digunakan sebagai bahan sampingan atau hiasan pada penulisan tersebut. Namun, artikel ini memberi fokus pada visual cetakan sebagai sumber utama dan data-data yang ditemui merupakan perincian dan maklumat daripada teks sampingan yang ditulis sendiri oleh pengkarya ataupun wartawan yang melaporkan maklumat terhadap visual tersebut. Oleh itu artikel ini bukan sahaja mengetengahkan visual, malahan secara tidak langsung dapat menghuraikan visual dan teks yang saling berkaitan.

Peristiwa, Masyarakat dan Adat di Borneo

Borneo merupakan sebuah pulau terbesar di Asia Tenggara yang kini dimiliki oleh beberapa buah negara berdaulat, iaitu Malaysia, Brunei dan Indonesia. Malahan Marco Polo juga pernah mengatakan bahawa Borneo ialah ‘Greater Java’. Hubungan British di Borneo bermula dengan pengambilalihan pulau Labuan oleh kerajaan British pada ketika itu yang turut menjadi titik tolak kemasukan British di Borneo pada tahun 1775 (*The Illustrated London News* 1847). Oleh, itu, permintaan untuk mengetahui perihal masyarakat di Borneo dengan lebih lanjut telah mendorong beberapa orang artisan rasmi dan tidak rasmi untuk menghasilkan lukisan berkaitan masyarakat ini yang terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya yang unik. Keunikan ini akan menarik minat sesiapa sahaja yang baru pertama kali berkunjung ke sana. Oleh itu lakaran, lukisan dan fotografi yang terhasil dicetak dan dihebahkan kepada umum untuk dikongsi bersama. Orang Iban, Kayan, Kenyah, Kelabit, Murut, Kejaman, Skapan, Melanau, Bidayuh (*Land Dayak*), Melayu dan Cina telah membentuk pelbagai kelainan budaya dan corak kehidupan di Borneo (Buxbaum 1968). Visual cetakan koleksi tetap BSVN dan setiap keping daripadanya didapati menyimpan data dan maklumat visual tersendiri kerana turut disertakan dengan maklumat teks artisan yang melakarkannya dan kemudiannya dicetak dalam bentuk portfolio mahupun cetakan buku.

Gambar 1 misalnya, menggambarkan lelaki Melayu Borneo yang dicetak pada tahun 1847 oleh akhbar *The London Illustrated News* (ILN) di bawah tajuk ‘New British Possession - The Island of Labuan’. Visual asal sebenarnya adalah dalam bentuk hitam putih, tetapi dapatkan daripada koleksi BSVN didapati bahawa visual bertarikh 3 April 1847 ini adalah berwarna

dan dicetak pada halaman 212 bersaiz 8 x 14.6 cm menggunakan teknik gurisan kayu. Amalan mewarnakan semula cetakan dengan menggunakan cat air sebenarnya menjadi kebiasaan dalam disiplin cetakan pada abad ke-18 dan ke-19 yang bertujuan mencantikkan cetakan tersebut selain menaikkan lagi nilai sesebuah cetakan.



Gambar 1: Malay Native of Borneo-Sketched at Singapore (Lakaran Penduduk Melayu Tempatan Borneo di Singapura).


(Sumber: *The Illustrated London News*, 3 April 1847: 212.)

Visual ini diperoleh daripada berita yang melaporkan peristiwa pengambilalihan Pulau Labuan oleh British daripada Kerajaan Melayu Brunei. Selain kaum peribumi di pendalam Borneo, masyarakat Melayu adalah antara kaum yang paling ramai ditemui dan kerajaan yang memerintah sebahagian besar dari pulau tersebut merupakan kerajaan-kerajaan Melayu. Ketika kerajaan British di Borneo, Brooke yang dikenali sebagai ‘Rajah Brooke’ di Sarawak telah menulis perbandingan antara masyarakat peribumi dengan Melayu. Bandingan tersebut adalah daripada dapatannya yang mengatakan bahawa mereka yang tidak memeluk agama Islam digelar sebagai Dayak seperti kaum Iban dan Bidayuh (Cheng 2004) manakala mereka yang beragama Islam adalah dalam kalangan orang Melayu dan Melanau (Buxbaum 1968: 40).

Lakaran yang mengiringi laporan peristiwa bersejarah tersebut adalah visual seorang lelaki Melayu tempatan. Gambarnya dilakarkan di Singapura selepas seorang artisan meninggalkan Borneo dengan menaiki kapal British ‘Wolf’ (*The Illustrated London News* 1847). Turut dilaporkan juga bahawa orang Melayu merupakan penduduk yang menduduki hampir keseluruhan kawasan pinggir pantai di Borneo dan hanya beberapa kawasan sahaja yang masih didiami oleh puak Dayak. Orang Melayu dilaporkan mempunyai semangat juang yang tinggi dan berjaya membentuk beberapa buah kerajaan di Borneo. Dari segi penampilan mereka pula, artisan turut melaporkan bahawa kulit mereka biasanya berwarna coklat, tetapi berbeza sedikit mengikut suku (*The Illustrated London News* 1847). Berlandaskan visual yang telah disediakan, pakaian mereka menunjukkan kaum lelakinya berseluar pendek, bersamping, berkeris di pinggang, berbau lengan panjang, dan bertengkolok selain memegang lembing. Boleh dikatakan bahawa pakaian yang digunakan oleh orang Melayu di Borneo tidak jauh berbeza dengan pakaian yang dipakai oleh orang-orang Melayu di serata Nusantara.

Selain visual orang Melayu, koleksi ini juga memperoleh visual cetakan hasil daripada lakaran artisan untuk Orang Dayak Darat. Gambar 2 merupakan visual orang Dayak Darat yang merupakan masyarakat peribumi di Sarawak (John 1862). Visual berwarna bersaiz 21.8x13.9cm

ini dicetak dengan menggunakan teknik litografi yang dirujuk daripada rakaman fotografi yang dibuat terdahulu. Puak Dayak terbahagi kepada dua kumpulan besar, iaitu Dayak Laut dan Dayak Darat. Kini terma Dayak tidak lagi digunakan dan merujuk pada panggilan khas setiap puak etnik yang dikenali sebagai Iban, Bidayuh, Orang Ulu dan lain-lain (Skutsch 2013). Visual ini memberi gambaran jelas tentang orang Dayak Darat melalui salinan fotografi yang disumbangkan oleh para pengembara. Antara mereka yang bergerak aktif dalam hal ini ialah Rev. Charles Johnson dan Charles Benyon (John 1862). Visual cetakan dua orang Dayak Darat dalam posisi sedang duduk ini menunjukkan keadaan fizikal mereka. Lakaran ini bertujuan untuk menunjukkan perbandingan visual antara Dayak Darat dengan Dayak Laut kepada umum atau pembaca, tetapi BSVN hanya memiliki visual Dayak Darat sahaja. Visual ini telah dicetak pada edaran buku nukilan Spencer St. John yang bertugas sebagai Consul General di kepulauan Borneo dan dicetak di London pada tahun 1863. Visual ini dicetak di "front piece" menghadap halaman 124. Menggunakan teknik cetakan litografi dan diwarnakan dengan cat air, ia membangkitkan lagi bentuk figura yang dihasilkan. Penulis menyatakan bahawa lakaran ini adalah melalui pengalaman peribadinya selama 10 tahun ketika bertugas di Borneo Utara (John 1862).



Gambar 2: 'The Land Dayaks' (Orang Dayak Darat).

(Sumber: "Life in the Forests of the Far East" oleh Spenser St. John, F.R.G.S., F.E.S., H.M. Consul General in the Island of Borneo, London, 1863: 125.)



Gambar 3: Lundu Dyaks, (Dayak Lundu).

(Sumber: E. Walker Lith, Chapman & Hall, 15 Januari 1846.)

Koleksi visual Dayak Laut yang turut disimpan oleh BSVN adalah daripada penerbitan dan artisan yang lain seperti yang dipaparkan pada Gambar 3. Mereka ialah puak Dayak Laut


yang mewakili kaum Iban yang tinggal di kawasan sungai. Brooke pertama kali mengenali Dayak Darat dan lain-lain ketika beliau cuba menyekat kegiatan lanun (Skutsch 2013). Dayak Darat dikatakan boleh ditemui di kawasan pendalam sungai Lundu, Samarahan dan Sadong, Sarawak (John 1862). Pakaian kaum Dayak lelaki adalah cawat yang diikat di pinggang, baju dan lilitan kain di kepala. Sesetengah pakaian mereka diperbuat daripada kulit kayu. Mereka juga mengenakan perhiasan seperti cincin tembaga atau rotan yang diwarnakan hitam, rantai manik dan kadang kala gigi harimau (John 1862). Ciri-ciri yang dicatatkan boleh diperoleh dan dilihat pada gambar ini kecuali baju kerana kedua-dua figura tersebut tidak mengenakan baju. Hanya satu figura sahaja yang mengenakan perhiasan di leher, iaitu rantai manik.

Menurut John, S. B. (1862), kaum Dayak Lundu merupakan Dayak yang mendiami Sungai Sibuyaw (Sibuyau) yang terletak di timur Sadong (E. Walker Lith. 1846). Visual ini dihasilkan dalam saiz 21.3 x 13.5 cm dengan teknik litografi berwarna. Visual ini dicetak oleh pencetak profesional dari E. Walker Lithograph, London. John S. Buckingham yang pernah berada lama di perkampungan tersebut turut menulis kisah perjalanan beliau memasuki perkampungan tersebut dari Santubung, iaitu muara Sungai Sarawak, hingga ke Lundu. Kediaman puak Dayak Lundu adalah di tepi sungai yang berlengkok dan daratan yang sangat mendatar yang agak panjang jaraknya. Namun begitu keindahan gugusan Gunung Gading dan Poe dapat mengimbangi pemandangan yang mendatar itu (E. Walker Lith. 1846). Mereka merupakan masyarakat yang bercucuk tanam dan mempunyai banyak dusun buah-buahan. Puak Dayak Sibuyaw (Sebuyau) tinggal berhampiran sungai, manakala Silakow agak berhampiran dengan Lundu, iaitu di kawasan Sambas dan Kurah yang juga merupakan jiran kepada puak Sibuyau yang jaraknya setengah hari perjalanan dari Sibuyau (Mundy dan Brooke 1846). Masyarakat Dayak Sibuyau ini pernah menghadapi masalah pemilikan tanah pada tahun 1893. *Sarawak Gazette* melaporkan bahawa penanda hak milik tanah telah diwartakan dan puak ini diberi tanah di antara Simuning dan S'Kati. Hal ini berlaku kerana Rajah Brooke telah mengeluarkan arahan mengenai pemilikan tanah pada tahun 1889 berikutan aktiviti jual beli tanah di kaki gunung Lendu antara masyarakat peribumi dengan orang Melayu tanpa pengetahuan pihak kerajaan (Ishikawa 2010).

Gambar 4 ialah satu lagi visual mengenai Kaum Dayak Sibuyau (Mundy dan Brooke 1846) turut dihasilkan oleh artis lain. Kaum ini merupakan penduduk di Lundu (Mundy dan Brooke 1846). Visual yang bersaiz 12.8 x 21 cm ini juga dihasilkan menggunakan teknik litografi warna. Visual ini menggambarkan satu suasana di tepi sungai Lundu. Melihat pada Gambar 4 jelas kelihatan keunikan mereka yang tidak kelihatan pada puak lain, seperti telinga mereka yang panjang dan kadangkala hingga mencecah bahu. Ini kerana amalan puak tersebut yang memakai perhiasan anting-anting di cuping telinga mereka (lihat lelaki dengan kain merah lilit di kepala). Bahagian pinggang pula dililiti kulit kayu. Penulis juga mencatatkan bahawa mereka juga merupakan puak yang pakar dalam melawan pedang (Mundy dan Brooke 1846).


Cara berpakaian kaum Dayak Lundu yang mudah digambarkan melalui visual ini. Lelakinya ada yang berbaju, bercawat dan melilit kepalanya dengan kain. Kaum wanitanya pula bersarung pendek yang diperbuat daripada kain yang sama. Mereka juga memakai baju tanpa lengan yang tidak ditutupi di bahagian hadapan. Yang menarik perhatian adalah perhiasan yang dikenakan oleh kedua-dua jantina ini. Kaum lelaki memakai anting-anting berbentuk cincin tembaga yang tebal dan besar di telinga dan seringkali kelihatan empat hingga enam biji yang dipasang melalui cuping telinga. Begitu juga di lengan dan pergelangan tangannya, malahan di bahagian pinggangnya. Perhiasan tersebut begitu tebal, berat dan sentiasa dipakai mereka. Ia hanya boleh ditanggalkan dengan memotongnya kepada separuh. Selain itu, perhiasan yang paling berharga bagi mereka ialah rantai yang diperbuat daripada gigi manusia (Lehnert 1868). Dari visual berkenaan, jelas kelihatan cara puak Dayak di Lundu berpakaian dan perhiasan

yang digunakan. Cara mereka berbeza jika dibandingkan dengan Dayak di Bintulu, terutama dari segi penggunaan sumpit dan juga tatu yang tidak menjadi amalan puak Sebuyau Lundu.



Gambar 4: 'Group of Lundu, Dayaks, Sarawak' (Kumpulan Dayak Lundu di Sarawak).

(Sumber: Mundy, Rodney, and James Brooke. Narrative of Events in Borneo and Celebes, Down to the Occupation of Labuan [Gambaran peristiwa di Borneo dan Celebes, hingga ke penjajahan Labuan]. Vol. 1, London J. Murray, 1846: 22.)



Gambar 5: 'Dayak Chief Lying in State; showing widow and child with head shaven in token of mourning', (Jenazah Ketua Dayak, menunjukkan balu dan anaknya dengan kepala yang dicukur sebagai tanda berkabung)

(Sumber: Bock, Carl. "The Head-Hunters of Borneo: A Narrative of Travel up the Mahakam and Down the Barito; Also Journeyings in Sumatra." Sampson Low, Marston, Searle & Rivington, London 1881: 142.)

Gambar 5 merupakan koleksi BSLV mengenai istiadat pengebumian masyarakat di Borneo pada tahun 1881. Cetakan visual bersaiz 25.5 x 17.1 cm ini menggunakan teknik kromolitografi (*chromolithography*) daripada Carl Bock. Visual ini merujuk pada peristiwa kematian ketua keluarga puak yang berlaku ketika lawatan Carl Bock di perkampungan puak Dayak Long Puti (Bock 1881). Mendiang merupakan ketua rumah panjang tersebut dan setibanya Carl Bock di sana, ketua rumah panjang itu telah pun meninggal dunia. Perkara dan visual sebegini amat asing sekali bagi mereka di Eropah malahan bangsa lain di Alam Melayu sendiri. Ia merupakan visual penting dalam pengkajian adat dan tradisi di Borneo ketika itu.

Carl mencatatkan dalam tulisannya mengenai visual ini termasuklah keadaan dan persekitaran istiadat tersebut dijalankan. Mayat mendiang ditempatkan di sebuah ruang luas di rumah tersebut, iaitu di tengah-tengah ruang rumah yang seluas 120 kaki. Mendiang diletakkan di dalam keranda berbentuk perahu yang dijunjung oleh empat batang kayu dan dihiasi dengan lukisan berwarna merah, hitam dan putih. Di atas keranda itu dibentangkan 'tjawat' (cawat), iaitu kain di pinggang yang selalu dipakai oleh mendiang manakala di atas keranda itu diletakkan atap selain tempurung kelapa yang dipenuhi air dan makanan berhampiran keranda tersebut. Amalan tersebut bertujuan supaya mendiang dapat memakannya apabila lapar atau dahaga ketika menuju perjalanan yang jauh ke syurga (Bock 1881).

Selain itu pakaianya yang terbaik dan senjata juga telah disertakan dalam keranda tersebut (Bock 1881). Di hujung keranda tersebut kelihatan arca kayu berbentuk binatang yang menyerupai beruang yang berfungsi sebagai tangkal untuk melindungi mendiang daripada sebarang bahaya dalam perjalannya ke alam mati. Di bahagian hujung keranda tersebut diletakkan pemegang lilin damar yang dinyalakan selalu dan perlu diganti setiap hari (Bock 1881). Kelihatan juga isteri dan anak mendiang di sebelah kiri visual itu sedang berdiri di pintu bilik dalam keadaan sedih dan berkabung. Berbanding dengan cara dan adat kaum lain, keluarga terdekat mendiang telah dicukur rambutnya seperti kelihatan di dalam visual ini.

Upacara ini berterusan sehingga puak tersebut mendapat 'tuah' dan tuah dianggap penting apabila melibatkan kematian ketua puak (Bock 1881). Setelah tuah diperoleh, barulah acara permakaman dijalankan. Setiap puak mempunyai adat istiadat masing-masing dan mengamalkan cara permakaman tersendiri. Oleh itu, peristiwa sebegini amat menarik untuk dirakamkan visualnya dan ditulis proses sepanjang ia dijalankan. Carl turut menulis tentang kedudukan balu kepada pemimpin yang telah meninggal dunia, seperti yang terdapat di dalam visual ini. Balu yang kematian suaminya dikehendaki menjalani salah satu kehidupan balu, iaitu 'Balu Mata' atau 'Balu Mansau' (Buxbaum 1968). Balu Mata bermaksud berkabung dengan tidak memakai baju berwarna merah, bedak muka ataupun memakai wangi-wangian yang boleh menarik perhatian lelaki. Balu tidak dibenarkan berkahwin semula tanpa kebenaran ibu bapa mertuanya dalam tempoh tiga bulan berkabung. Balu Masau pula tidak dibenarkan berkahwin semula sehingga mendiang suaminya diraikan oleh beliau ketika perayaan 'Gawai Antu' (sambutan perayaan yang diraikan untuk roh si mati). Gawai Antu ini jarang dijalankan dan kebiasaannya akan diraikan sekali setiap 10 tahun atau lebih (Buxbaum 1968).

Sebuah lagi visual rakaman peristiwa acara pemakaman ketua puak Dayak Long Wai (Bock 1881) ditunjukkan pada Gambar 6 yang juga dicetak menggunakan teknik kromolitografi dalam ukuran 26 x 18 cm. Peristiwa kematian ketua puak ini telah dirakam dalam teks dan direkodkan sehingga upacara pemakaman. Visual acara permakaman ketua puak atau orang penting di Borneo adalah unik. Mereka mempunyai adat tradisi mereka sendiri dan keunikan inilah yang menarik perhatian mereka yang melawat dan mengembara di sana untuk merekodkannya sama ada secara rasmi atau tidak. Penulis mencatatkan bahawa setelah mengetahui kematian ketua puak, para penduduk akan bergotong-royong menyediakan setiap keperluan bagi menjalankan acara pengebumian. Penduduk rumah panjang dimaklumkan dengan memukul gong dan dram dengan nada yang dipanggil 'tomoeng', iaitu irama kematian. Apabila mendengar irama

ini puak tersebut akan berkumpul di rumah mendiang. Bermula dari situ, pembahagian tugas untuk urusan permakaman akan dimulakan. Sebahagian penduduk rumah panjang akan membina jambatan, memotong balak untuk membina keranda berbentuk perahu, mengukir tangkal serta arca yang menyerupai beruang (*thoeng*), harimau bintang (*lahdjo*) atau manusia yang diperbuat daripada kayu.



Gambar 6: Mausoleum of Rajah Sinen's Family, Bear Kibg Wau (Makam Ketua Puak Sinen's, Bear Kibg Wau)

(Sumber: Bock, Carl. "The Head-Hunters of Borneo: A Narrative of Travel up the Mahakam and Down the Barito; Also Journeyings in Sumatra." Sampson Low, Marston, Searle & Rivington, London 1881:227)


Setelah semua urusan tersebut selesai barulah jenazah dimandikan, ditutup dengan kain belacu putih dan dibawa semula balik ke rumah dengan meletakkannya di atas sekeping papan yang besar. Mendiang dipakaikan semula pakaian hariannya, kemudian diletakkan di tempat yang berbungkangan atap rumbia. Pada masa yang sama, pengganti ketua puak akan dipanggil dan diperkenalkan sambil alunan lagu didendangkan sehingga mereka kepenatan.

Upacara diteruskan dengan pakaian mendiang ditanggalkan semula, di tangan kanannya diletakkan pedang Mandau dan sumpitnya manakala di sebelah kiri tangannya diletakkan perisainya. Seorang wanita yang dikenali sebagai 'Bilians' duduk di sebelah mendiang dan mula berkata-kata dengannya memberitahu apa-apa yang perlu dilakukan untuk ke alam kematian. Antaranya mendiang dinasihatkan agar terus berjalan tanpa membelok ke kanan atau ke kiri dan tidak perlu merasa takut jika bertemu mereka yang merayu dan menangis. Setelah wanita itu selesai memberi arahan, maka jenazah mendiang pun diletakkan di dalam keranda yang dilengkapi sebuah tilam yang elok, dilapis dengan tikar, serta diletakkan duit dan emas pada genggaman si mati. Di tangan dan kakinya juga diletakkan gong tembaga yang dikenali sebagai 'traij' serta persalinan pakaian yang berharga (Bock 1881). Pelbagai acara yang lain turut dijalankan bagi menghormati pemergian ketua puak tersebut sehingga ke kawasan permakaman.

Acara permakaman pula dimulakan dengan dua orang lelaki yang mengetuai perarakan; seorang yang berpakaian lengkap dengan pedang Mandau serta perisai dan seorang lagi memukul gendang dan membuat tarian mengelilingi keranda (Bock 1881). Kelihatan dalam Gambar 6, dua orang lelaki duduk berhampiran dengan makam ketua puak tersebut manakala di bahagian belakang keranda tersebut diikuti lima orang wanita; seorang daripadanya memegang pedang Mandau dan seekor ayam jantan berwarna merah. Ketika perarakan tersebut tiba di

kawasan perkuburan, keranda diletakkan di satu tempat yang berpagar tanpa bumbung. Kedua-dua lelaki yang mengiringi perarakan tersebut mengambil lembing dan melemparkannya ke keranda tersebut dan lembing tersebut akhirnya diletakkan bersama ke dalam kubur manakala beberapa arca dan tangkal yang telah disediakan diletakkan sebahagiannya di luar, ditanam dan digantung di tiang-tiang bangunan makam tersebut (Bock 1881). Semua susunan tersebut dapat dilihat daripada rekod visual yang mengiringi teks yang ditulis mengenai acara pengbumian ini. Visual ini menunjukkan dua orang lelaki puak berkenaan lengkap dengan lembing yang berada bersebelahan kubur. Turut kelihatan makam yang dihias dibina dengan kayu diukir indah dengan lukisan-lukisan puak di dindingnya di samping arca dan tangkal diletakkan di tiang dan di atas bumbung makam tersebut. Ukiran indah di atas bumbung memberi gambaran tentang kedudukan dan darjah pemilik makam tersebut. Menurut John S. Buckingham (1862), yang menulis mengenai Dayak Laut, kebanyakan kematian yang berlaku dalam kalangan puak tersebut si mati akan dikebumikan. Namun sebaliknya sekira mendiang menyatakan hasrat untuk memperoleh keistimewaan seperti seorang ketua/agama, maka permakaman mendiang akan dijalankan seperti ini dan si mati akan diletakkan di atas pangkin yang tinggi dari aras tanah (John 1862).

Visual seterusnya dari koleksi BSVN adalah Gambar 7, iaitu mengenai puak Bidayuh yang adalah antara puak orang Dayak di selatan Sarawak. Nama 'Bidayuh' membawa maksud 'Penduduk Dalaman' (Tan 199) dan dikenali sebagai Dayak Darat ketika pemerintahan James Brooke. Gambar 7 yang berukuran 22.6 x 15.6 cm ini dicetak pada halaman 848 dan terhasil dari teknik gurisan kayu. Joseph Ven Lehnert (1887) mengatakan bahawa puak Bidayuh adalah daripada suku-suku yang bebas, tidak bergantung pada pemerintahan Belanda dan juga orang Melayu. Rumah mereka dibina di atas tiang setinggi 70-100 meter panjang dengan kelebaran 12-18 meter. Kebanyakan kampung hanya mempunyai dua atau tiga buah rumah. Lantai di dalam rumah diperbuat daripada buluh yang diraut, kira-kira seluas tangan dan diikat dengan rotan termasuk dinding dan tingkap. Setiap rumah mempunyai 8 hingga 10 bahagian dan setiap satu bahagian didiami oleh sebuah keluarga (von Lehnert 1878).



Gambar 7: 'Fine Dayak Hütte auf Borneo' (Pondok indah kaum Dayak di Borneo)

(Sumber: Joseph Lehnert, "Um die erde: Reiseskizzen von der erdumseglung mit S.M. corvette "Erzherzog Friedrich" in den jahren 1874, 1875 und 1876", 1878: 848.)

Bagi remaja yang layak untuk berkahwin, mereka akan ditempatkan di sebuah bangunan lain yang dikhaskan untuk mereka tidur. Rumah tersebut dilengkapi dengan 'Piala Kepala'

yang telah dipancung milik keluarga, senjata dan perisai sebagai hantaran mereka nanti. Melalui Gambar 7 kelihatan sebuah rumah panjang yang dibina tinggi dan menempatkan keluarga sesebuah puak. Rumah yang menjadi titik fokus dalam visual ini merupakan rumah khas yang menempatkan para remaja yang telah layak untuk berkeluarga. Pemilikan tengkorak manusia merupakan satu penghormatan yang istimewa, satu reputasi yang digantung untuk menonjolkan nama baik seseorang. Namun reputasi itu tidak boleh diturunkan secara turuntemurun. Reputasi ini harus dimiliki dengan tangan dan usaha mereka sendiri. Mereka yang berjaya memenggal kepala musuh dengan tangan mereka sendiri layak memakai hiasan khas pada kepala mereka. Setiap tengkorak yang diperoleh akan sama dengan jumlah bulu daripada burung enggang yang menghiasi topi mereka. Joseph von Lehnert percaya bahawa amalan ini sama dengan yang diamalkan oleh orang asli (Red Indian) di Amerika Utara yang meletakkan bulu burung pada topinya mengikut jumlah musuh yang berjaya ditewaskan (von Lehnert 1878).

Selain rumah yang dibina dengan indah dan dihiasi dengan ‘piala kepala’ milik keluarga, kelihatan juga empat orang anak remaja yang telah layak berkahwin berdiri di hadapannya. Dua daripadanya remaja lelaki bercawat merah dan memegang sumpit manakala dua lagi remaja perempuan berkain kuning di hadapan pondok. Visual ini sememangnya memainkan peranan yang penting dalam memberi gambaran visual tentang keadaan dan suasana ketika itu serta seni bina yang biasa didirikan oleh puak Bidayuh di Sarawak. Di Sarawak terdapat juga seni bina yang dibina dari gaya luar kerana Borneo merupakan sebuah pulau yang besar yang seringkali menarik perhatian peneroka luar untuk bermastautin dan membina hidup baru selain mencari rezeki.

Gambar 8 berukuran 21.8 x 14.2 cm yang dihasilkan dengan menggunakan teknik litografi berwarna oleh R.T. Pitchett pula merupakan pemandangan di seberang sungai mengadap kota milik Brooke. Artisan mengatakan bahawa beliau ketika itu bercadang untuk menyusuri sungai dan menyeberang ke pulau berkubu tetapi terhalang kerana hujan yang lebat. Namun sebahagian daripada kumpulan mereka berjaya ke kota tersebut dan menikmati pemandangan dari kawasan tinggi (Brassey dan Broome 1889).



Gambar 8: ‘Sarawak Borneo Opposite The Rajah Fort.’ (Sarawak Borneo di hadapan Kota Raja Brooke)

(Sumber: Brassey, Annie and Broome, Mary Anne, ‘The Last Voyage to India and Australia in the Sun beam, 1887 oleh Lady Brassey’, M A Broome, London in 1889)

Pengaruh seni bina Cina jelas kelihatan memandangkan mereka adalah antara kaum penghijrah yang ramai mendiami tanah Sarawak. Orang Cina mula-mula datang ke Sarawak

untuk berdagang dan mengembara pada abad ke-6. Namun kebanyakan mereka yang berada di Sarawak sekarang merupakan penghijrah yang datang beramai-ramai sekitar abad ke-19 dan ke-20. Kaum Cina yang pertama berhijrah ke Sarawak untuk bekerja terdiri daripada kaum Hakka yang bekerja sebagai pekerja lombong emas di Bau dan buruh ladang (Welman 2013). John S. Buckingham (1862) mengatakan bahawa pada peringkat awal hanya sekirar 200 orang Cina berada di Borneo, tetapi kemudiannya bertambah sehingga memerlukan pembukaan tanah baru. Selain itu, orang Cina yang merupakan penanam sayur yang mempunyai keluasan ladang berates-ratus ekar dan antara tanaman yang diusahaikan ialah kacang dan keledek. Ladang mereka semakin luas apabila keledek mula mendapat perhatian berbanding sagu di Sarawak. Malahan kehadiran buruh di kawasan utara sungai Sarawak juga merupakan penyumbang keperluan terhadap bahan makanan (Buckingham 1862). Orang Cina sentiasa mengekalkan adat dan budaya mereka walau di mana mereka berada. Jelas di sini bagaimana kehadiran para peladang Cina di Sarawak juga turut mengubah landskap dan seni bina di Sarawak melalui binaan-binaan gaya mereka.



Gambar 9: 'Night Engagement of the English with the Pirates Off Banting Marron.' (Pertembungan di antara British dan Lanun di Banting Marron).

(Sumber: The Illustrated London News, (10 November 1849), Balai Seni Visual Negara, hlm. 312.)

Gambar 9 pula ialah visual pertama berkaitan serangan lanun di muara Sungai Rajang, Sarawak yang telah direkodkan di akhbar *The London Illustrated New* pada tahun 1849. Visual yang berukuran 27.5 x 17cm dan menggunakan teknik gurisan kayu ini dihasilkan berikutkan satu laporan yang bertajuk 'Expedition to Borneo' di akhbar tersebut. Ekspedisi menentang lanun itu dikatakan telah melibatkan beberapa buah kapal perang British seperti kapal HMS Albatross, Royalist dan lain-lain yang diketuai oleh Kapten Farquhar. Visual ini dihasilkan oleh Dr. Livesay yang bertugas sebagai pakar perubatan di atas kapal Albatross. Beliau telah melakarkan visual kejadian yang berlaku ketika itu apabila pihak British menghadapi kumpulan lanun di Sungai Rajang.

Peristiwa ini bermula pada 26 Julai 1849 di Banting Marron, kawasan yang berpasir di antara sungai Serebas (Seribas) dan Kaluka. Ia merupakan tempat pertemuan yang dirancang oleh Sir James Brooke dengan pasukan British dan puak peribumi sebelum menyusuri Sungai Rajang dalam serangan hendap menghadapi lanun di sana. Dalam usaha menghapuskan lanun, James Brooke telah merancang bersama-sama tentera British untuk bertemu di tempat yang ditetapkan dengan kekuatan ketenteraan masing-masing. Pada peringkat awal, pihak

British sepatutnya menghantar lima buah kapal perang, iaitu H.M.S. Meander dengan kekuatan 44 buah meriam, Albatross dengan kekuatan 12 buah meriam dan Royalist dengan 10 buah meriam manakala selebihnya dua buah kapal perang berwap dikenali sebagai H.E.E.C. Nemesis dan Semiramis. Namun kapal H.M.S. Meander dan Semiramis tidak sampai dan menyebabkan kekuatan pihak British berkurangan dengan hanya memberi bantuan sebanyak tujuh buah bot dengan kekuatan 198 orang termasuk pegawai (The London Illustrated New 1849). Pihak James Brooke telah menyediakan 40 buah perahu yang dipenuhi dengan senjata termasuk perahu besar yang mempunyai kekuatan 80 orang pendayung. Kapal ‘Singa-Rajah’ dan ‘Rajah-Walli’ dikemudikan oleh Kapten Brooks dari Regiment ke-88 (Connought Rangers) yang juga merupakan anak saudara James Brooke. Pada 27 Julai 1849, maklumat yang diterima daripada pihak perisikan mengatakan bahawa pihak lanun yang mempunyai 107 buah perahu dan kekuatan seramai 3,500 orang telah meninggalkan Sungai Serebus (Seribas) sehari sebelum kehadiran kekuatan British dan Brooke. Mereka dilaporkan telah menyerang dan menyamun perkampungan dengan membakar, membunuh kaum lelaki dan budak serta memenggal leher mereka. Manakala kaum wanitanya dicolek dan dijadikan hamba. Visual ini telah menunjukkan bagaimana kapal wap British telah melepaskan tembakan apabila terdapat perahu dari pihak lanun yang cuba memasuki kawasan laut terbuka. Manakala Komander Wallage menggerakkan tenteranya dengan memburu dengan menggunakan perahu. Serangan ini berakhir pada pukul 12 tengah malam walaupun masih kedengaran beberapa tembakan.

Laporan yang dibuat merujuk kepada kehilangan sebanyak 90 perahu dan 400 nyawa daripada pihak lawan manakala pihak British serta Brooke hanya kehilangan dua orang tentera dan enam orang tercedera. Laporan di *Illustrated London News* ditulis oleh Urban Vigors, rakan baik James Brooke dan juga saksi peristiwa tersebut. Kesahihan berita ini telah diakui oleh James Brooke melalui suratnya pada 23 November 1852 kepada Earl of Malmesbury (Parliamentary Paper 1853). Berita ini juga telah dilaporkan di akhbar *Singapore Free Press* oleh James Brooke. Namun begitu, peristiwa ini juga telah dikritik oleh beberapa penulis Eropah yang mendakwa bahawa kejadian ini sebenarnya satu pembunuhan beramai-ramai (*massacre*) kaum Dayak Serebas dan Sakarran oleh James Brooke kerana terdapat banyak persoalan yang tidak terjawab. Keterangan mengenai hal tersebut datang daripada William Handry Stowell yang mengatakan bahawa Brooke merupakan seorang budiman yang bercita-cita tinggi dan tidak mungkin akan berhenti berlagak seperti hakim yang menghakimi kerajaan orang lautnya (Borneo) (Stowell 1850). Hal ini juga telah dikritik W. N. yang menyatakan bahawa peristiwa tersebut merupakan satu hukuman yang sepatutnya memerlukan pengadilan, dan setelah dihakimi, dengan berdasarkan bukti: namun yang berlaku kini tiada seorang pun yang dituduh itu boleh hadir (W. N., 1850).

Kesimpulan

Terdapat pelbagai visual cetakan era kolonial yang tersimpan di dalam himpunan Balai Seni Visual Negara dan jarang sekali diketengahkan dalam bentuk penulisan. Di sebalik setiap visual, terkandung penceritaan tersendiri yang merangkumi kesenian, budaya, seni bina dan peristiwa tertentu. Jelas sekali secara umumnya penghasilan cetakan visual sejarah di Borneo kebanyakannya dihasilkan oleh para pedagang, pengembara dan artis dari Eropah. Kebanyakan mereka pada dasarnya datang ke Borneo atas tugas rasmi dan menghasilkan visual tersebut atas dasar ingin tahu dan merekodkan apa-apa yang mereka lihat sebagai satu visual pengalaman penting untuk dikongsi bersama umum. Visual-visual cetakan yang berhasil tidak hanya bergantung pada lakaran tangan malahan ada juga yang dihasilkan berlandaskan rakaman fotografi yang dirakam ketika artis berada di sana. Peristiwa yang

dirakam ini terdiri daripada beberapa tema. Antaranya peristiwa yang berlaku secara peribadi seperti yang dialami oleh Lady Brassey pada 1887, yang ketika itu melawat Kuching bersama rombungannya. Kepelbagai etnik di Sarawak juga telah menarik perhatian artisan ketika berada di sana. Mereka merekodkan adat dan budaya masyarakat untuk memaklumkan keunikan dan kemajmukan bangsa dan kaum di sana. Keistimewaan adat tersebut diperjelaskan melalui visual ketika peristiwa kematian ketua puak Dayak yang berlaku semasa lawatan mereka ke sana. Upacara menghormati dan permakamannya dijalankan dengan penuh adat dan tradisi turut dirakamkan oleh mereka. Selain itu, visual campur tangan kerajaan British ke atas Sarawak juga dirakamkan bersumberkan peristiwa operasi menghapuskan lanun di sana. Mereka telah merakam dan merekodkan peristiwa yang dikatakan oleh Raja Brooke sebagai menangani masalah lanun di Sarawak. Sesungguhnya visual-visual ini telah memainkan peranan yang penting dalam merekodkan peristiwa yang akhirnya tersimpan sebagai bahan sejarah atau dokumen sejarah secara tidak langsung.

Nota

¹ Azian Tahir is an Art & Design Lecturer at Universiti Teknologi MARA. She obtained her Master in Arts and Design at Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, and is the author of a number of research papers and articles published internationally and regionally. Email: aziantahir@siswa.um.edu.my

² Arba'iyah Mohd Noor is a Senior Lecturer from the Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya. Her specialization is in Historical Thoughts and Theory and Methods of History and obtained her PhD at Universiti Malaya.

³ Suffian Mansor is a Senior Lecturer from the Universiti Kebangsaan Malaysia. His specialization is in Chinese Modern History and History of Sarawak and obtained his PhD at Bristol University, UK

Rujukan

- Archer, Mildred. 1969. *British Drawings in the India Office Library*. Vol. 1, London: Her Majesty's Stationery Office.
- Bock, Carl. 1881. The Head-Hunters of Borneo: A Narrative of Travel up the Mahakam and Down the Barito; Also Journeyings in Sumatra. London: Sampson Low, Marston, Searle & Rivington, hlm. 141.
- Brassey, Annie and Broome, Mary Anne, 1889. *The Last Voyage to India and Australia in the Sunbeam*. London: M A Broome, hlm. 151.
- Buxbaum, David C. 1968. *Family Law and Customary Law in Asia: A Contemporary Legal Perspective*. Netherlands: Martinus Nijhoff Publishers.
- Cheng Sim Hew. 2004. *Women Workers, Migration and Family in Sarawak*. London: Routledge.
- Haney, Amy. 2015. History and Techniques of Printmaking. MA Thesis, Prescott College.
- Ishikawa, Noboru. 2010. *Between Frontiers: Nation and Identity in a Southeast Asian Borderland*. Singapore: NUS Press. hlm. 27.
- E. Walker Lith, Published Chapman & Hall, 15 Januari 1846, Koleksi Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur.
- Korda, Andrea L. 2015. *Printing and Painting the News in Victorian London: "The Graphic" and Social Realism, 1869-1891* London: Routledge
- Marryat, Frank Samuel. 1848. *Borneo and the Indian Archipelago*. London: Longman.
- Mundy, Rodney & James Brooke. 1846. Narrative of Events in Borneo and Celebes, Down to the Occupation of Labaun. Jilid 1, London: J. Murray, 1846, p. 22.

- New British Possession- The Island of Labuan, *The Illustrated London News*, 3 April 1847.
- Sketchs From Borneo. *The Illustrated London News*. 10 November 1849.
- St John, Spencer. 1862. Life in the Forests of the Far East. Vol. 1, London: Sith, Elder & Co., hlm. 125.
- 'Parliamentary Paper'. Februari 1853: hlm. 21.
- Skutsch, Carl. 2013. *Encyclopedia of the World's Minorities*. New York: Routledge
- Stowell, William Hendry. 1850. *The Eclectic Review*. Vol. 27, London: Ward & Co., hlm. 146.
- Tan Chee-Beng. 1997. "Indigenous People, the State and Ethnogenesis: A Study of the Communal Associations of the Dayak Communities in Sarawak, Malaysia," *Journal of Southeastern Asian Studies* 28(2): 263-85.
- von. Lehnert, Josef. 1878. Um Die Erde: Reiseskizzen Von Der Erdumseglung Mit Sm Corvette" Erzherzog Friedrich" dalam *Den Jahren 1874, 1875 Und 1876*. 2 jilid 2, Germany: Wien, Alfred Hölder.
- Welman, Frans. 2013. *Borneo Trilogy Book 3 Sarawak Volume 2: Kalimantan*. Vol. 3: Booksmano, hlm. 136.
- W. N., 1850. Borneo Remarks on a Recent "Naval Execution". London: Effingham Wilson. hlm. 14.